



Fakulti

- Dekan, Fakulti Farmasi
- Dekan, Fakulti Kejuruteraan & Alam Bina
- Dekan, Fakulti Pergigian
- Dekan, Fakulti Sains & Teknologi
- Dekan, Fakulti Sains Kesihatan
- Dekan, Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan
- Dekan, Fakulti Perubatan

Institut

- Pengarah, Institut Biologi Sistem (INBIOSIS)
- Pengarah, Institut Sel Fuel
- Pengarah, Institut Kejuruteraan Mikro & Nanoelektronik (IMEN)
- Pengarah, Institut Penyelidikan Tenaga Suria (SERI)
- Pengarah, Institut Perubatan Molekul (UMBI)
- Pengarah, Institut Alam Sekitar & Pembangunan (LESTARI)
- Pengarah, Institut Perubahan Iklim (IPI)

Pusat

- Pusat Pengurusan Makmal Alami dan Fizikal UKM (ALAF-UKM)
- Pengarah, Pusat GENIUS@Pintar Negara
- Pengarah, Pusat Kesihatan Universiti

Jabatan

- Ketua Pustakawan, Perpustakaan Tun Seri Lanang



MS ISO 9001:2015 Cert. No. QMS 02549

Pusat Pengurusan Risiko, Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan,

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-8921 3308/4076/4350 Faks: +603-8921 4077 E-mel: pghrosh@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/rosh

YBhg. Prof./ Tuan/ Puan,

**PEKELILING PUSAT PENGURUSAN RISIKO,
KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (ROSH-UKM) BIL.2/2023:
PERINGATAN: HELAIAN DATA KESELAMATAN (SDS)**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada surat ROSH-UKM nombor rujukan UKM RKK.100-1/3/1 bertarikh 1 Jun 2020 berhubung perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pihak YBhg. Prof./ Tuan/ Puan dapat memberikan kerjasama bagi memastikan **setiap pembelian bahan kimia di Pusat Tanggungjawab (PTJ) hendaklah disertakan dengan Helaian Data Keselamatan (SDS) daripada pembekal**. Manakala bahan kimia yang telah dibeli dan tidak memiliki SDS, pihak YBhg. Prof./ Tuan/ Puan perlu mendapatkan SDS tersebut daripada pembekal bersesuaian dengan Akta Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan 1994, Peraturan-Peraturan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (Penggunaan Dan Standard Pendedahan Bahan Kimia Berbahaya Kepada Kesihatan) 2000, Bahagian VII: Maklumat, Arahan dan Latihan; Peraturan 24: Risalah Data Keselamatan Kimia

Seseorang majikan yang menerima bekalan bahan kimia berbahaya kepada kesihatan yang baginya bahan kimia itu tidak dilabelkan atau Risalah Data Keselamatan Kimia tidak disediakan, hendaklah memperoleh maklumat berkaitan daripada pembekal dan tidak boleh menggunakan bahan kimia itu sehingga maklumat sedemikian diperolehi.

3. Sehubungan itu, bagi bahan kimia yang mempunyai SDS, YBhg. Prof./ Tuan/ Puan perlu meletakkan SDS tersebut di tempat yang **mudah dilihat dan berdekatan dengan lokasi bahan kimia itu digunakan** serta **hendaklah mudah dicapai** oleh pengguna makmal. Hal ini bersesuaian dengan Akta Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan 1994, Peraturan-Peraturan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (Penggunaan Standard Pendedahan Bahan Kimia Berbahaya Kepada Kesihatan) 2000*, Bahagian VII: Maklumat, Arahan dan Latihan;

Peraturan 25: Penyediaan Risalah Data Keselamatan Kimia

Di mana-mana tempat kerja yang sesuatu bahan kimia berbahaya kepada kesihatan digunakan, Risalah Data Bahan Kimia semasa bagi bahan kimia itu atau sesalinan daripadanya hendaklah diletak di tempat yang mudah dilihat yang berdekatan dengan setiap lokasi yang bahan kimia itu digunakan, dan hendaklah mudah didapati oleh pekerja.

4. Pihak YBhg. Prof./ Tuan/ Puan juga boleh **mendapatkan SDS daripada pembekal dalam bahasa kebangsaan dan bahasa Inggeris** bersesuaian dengan Akta Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan 1994, Peraturan-Peraturan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (Pengelasan, Pelabelan dan Helaian Data Keselamatan Bahan Kimia Berbahaya) 2013, Peraturan 8 (3)(c) Bahagian IV: Kewajipan melabelkan bungkusan bahan kimia berbahaya;

Maklumat yang disebut dalam subperaturan (1) dan (2) hendaklah dalam bahasa kebangsaan dan bahasa Inggeris.

5. Sukacita sekiranya maklumat ini dapat disampaikan kepada kakitangan di bawah pengawasan YBhg. Prof./ Tuan/ Puan. Kerjasama YBhg. Prof./ Tuan/ Puan dalam perkara ini saya dahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian,


"Selamat Bekerja dan Bekerja Dengan Selamat"



MS ISO 9001:2015 Cert. No. QMS 02549

Pusat Pengurusan Risiko, Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-8921 3308/4076/4350 Faks: +603-8921 4077 E-mel: pghrosh@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/rosh

Yang benar,


PROF. TS. DR. KABIR ARIFIN

Pengarah

Pusat Pengurusan Risiko, Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (ROSH-UKM)

- s.k. - YBrs. Prof. Madya Dr. Mohd Suzeren Md Jamil
Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Pelajar & Alumni)
Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, UKM
- Bendahari, Universiti Kebangsaan Malaysia



MS ISO 9001:2015 Cert. No. QMS 02549

Pusat Pengurusan Risiko, Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan,

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-8921 3308/4076/4350 Faks: +603-8921 4077 E-mel: pghrosh@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/rosh